



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING DEKAN

BILANGAN 5 TAHUN 2020

PENETAPAN KEBERADAAN STAF FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI (FSR), UiTM SHAH ALAM DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DAN PASCA PKP

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan penetapan keberadaan staf Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR), UiTM Shah Alam dalam tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pasca PKP.

2.0 LATAR BELAKANG

YAB Perdana Menteri dalam Perutusan Khas telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020.

Pekeliling Naib Canselor Bil. 21/2020 telah mengeluarkan pekeliling keberadaan staf UiTM dalam tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pasca PKP.

Merujuk Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Fakulti Bil 5/2020 bertarikh 28 Julai 2020 telah membincangkan mengenai keberadaan staf di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pasca PKP.

Sehubungan itu, bagi menjelaskan lagi Pekeliling Naib Canselor Bil. 21/2020, Pekeliling Akademik Bil. 12/2020 dan Pekeliling Pendaftar Bil. 17/2018 akan digunapakai maksud tersebut.

3.0 PELAKSANAAN

Arahan pelaksanaan kepada staf FSR yang perlu diambil perhatian adalah:

3.1 Setiap staf akademik FSR disarankan:

- i. Seorang staf akademik bertugas selama 39 jam seminggu (minimum) dan tugas tersebut dikategorikan dalam empat (4) kategori berikut:
 - a) ATS: Amanah Tugas Syarahan yang merangkumi Konteks Syarahan (KS) dan Persediaan Syarahan (PS)
 - b) K1: Penyeliaan
 - c) K2: Penyelidikan, Penerbitandan Penulisan, Perundingan, dan Inovasi
 - d) K3: Pentadbiran dan Perkhidmatan
- ii. Sekiranya staf akademik **tiada keperluan** untuk melaksanakan K1, K2, atau K3 secara fleksibel maka staf berkenaan perlu berada secara fizikal di Fakulti.

- iii. Staf akademik yang sedang melaksanakan K1, K2, atau K3 secara fleksibel, sila laporkan kepada **Ketua Pusat Pengajian** masing-masing.
- iv. Keberadaan fleksibel tidak boleh digunakan untuk **hal peribadi**.
- v. Sistem rekod dan pelaporan kehadiran fleksibel **dimestikan** menggunakan **sistem eClock** untuk membolehkan staf akademik melaksanakan amanah tugas dengan keberadaan fleksibel.
- vi. Pelaporan sistem keberadaan adalah tertakluk kepada terma seperti berikut:
 - a) Staf akademik berada di Fakulti *by default*.
 - b) Staf akademik perlu memastikan beliau boleh dihubungi oleh pejabat dan pelajar dalam tempoh waktu bekerja.
- vii. Keberadaan pentadbir akademik adalah di pejabat/ premis UiTM pada hari bekerja.

3.2 Keberadaan setiap staf pentadbiran:

Tiada lagi kemudahan penggiliran kerja secara berjadual di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR)

3.3 Setiap staf yang ingin memohon cuti rehat perlu membuat Permohonan Cuti Secara Atas Talian melalui Sistem HR2U.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 30 Julai 2020.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa 3 Ogos 2020.



PROF. MADYA DR. MOHAD ANIZU MOHD NOR

Dekan

'Be the Best, Beat The Rest'

Dikelilingkan kepada :

Semua Staf Akademik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-FSR (PT.6/7/1)
No. Siri : 052020